

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkara yang berkaitan dengan pengajian TVET. Apakah fasiliti yang digunakan semasa pengajian selari dengan teknologi semasa dan adakah graduan mampu berdaya saing dengan pasaran tempatan mahupun global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengutamakan kemudahan yang kondusif berserta dengan penggunaan teknologi yang terkini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), termasuklah di politeknik dan kolej komuniti. Ini penting bagi memastikan fasiliti yang disediakan adalah relevan dengan teknologi semasa serta sesuai dengan bidang-bidang pengajian yang ditawarkan.

Dalam hubungan ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPT. Antaranya ialah:

- (i) **Menyediakan capaian lebar jalur di politeknik dan kolej komuniti.** Penyediaan ini mengambil kira jumlah pelajar dan pensyarah sedia ada dengan dengan kapasiti di antara 100 Mbps hingga 600 Mbps di setiap politeknik dan kolej komuniti. Kapasiti ini seterusnya akan dinaik taraf dari semasa ke semasa mengikut keperluan institusi;
- (ii) **Menyediakan akses program TVET yang berkualiti, lebih meluas dan diiktiraf.** Secara keseluruhannya, terdapat 536 program pengajian di peringkat sijil, diploma dan sarjana muda di politeknik dan kolej komuniti yang ditawarkan, mendapat pengiktirafan akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), serta badan-badan profesional seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- (iii) **Memperkuh tadbir urus dan penyelarasan inisiatif memperkasakan TVET merentasi Kementerian.** Dalam hubungan ini, Majlis TVET Negara yang terdiri daripada pelbagai pihak, termasuk wakil industri, telah ditubuhkan. MTVET berfungsi untuk memperhalusi isu-isu seperti ketidakselarasan tadbir urus TVET; kekurangan akses pelajar dan komuniti kepada program TVET; penggunaan fasiliti yang tidak optimum; kekurangan

## NO. SOALAN : 38

kerjasama dan pengiktirafan daripada pihak industri; sumber pembiayaan pelajar yang terhad; penerimaan masyarakat yang rendah terhadap program TVET dan persepsi negatif ibu bapa terhadap peluang kerjaya bidang TVET.

Dari aspek daya saing pula, Laporan Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2020 yang dilaksanakan oleh KPT merekodkan kadar kebolehpasaran graduan politeknik sebanyak 91.4 peratus sementara kolej komuniti 94.2 peratus. Ini membuktikan dengan jelas bahawa graduan politeknik dan kolej komuniti mendapat permintaan yang tinggi oleh industri.

Dalam perkara yang berkaitan juga, graduan politeknik dilihat mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa berdasarkan beberapa siri kejayaan pelajar dalam program dan pertandingan di peringkat antarabangsa seperti program Robocon. Malah, Politeknik turut mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC)* atas penawaran program TVET seperti program kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan yang diiktiraf melalui akreditasi daripada Lembaga Jurutera Malaysia. Perkara ini turut membawa kepada pengiktirafan Sydney Accord dan Dublin Accord yang membolehkan graduan politeknik diterima untuk bekerja di negara-negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.